

Ruj.Kami : ANM.PK.P/P.600-1/1/2 JLD.3(66)  
Tarikh : 13 Mei 2019

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### **PANDUAN LARIAN GAJI BULAN MEI 2019 BAGI PEKERJA BERGAJI HARI**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat edaran daripada Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP), JANM.BPOPP.600-15/14/3 Jld.3(12) yang bertarikh 24 April 2019 adalah berkaitan.

2. Berdasarkan kepada tarikh pembayaran gaji yang telah ditetapkan, tarikh pembayaran gaji pekerja bergaji hari adalah selepas cuti umum Hari Raya Aidilfitri yang jatuh pada 5hb dan 6hb Mei 2019. Sehubungan itu, adalah ditetapkan bahawa tarikh pembayaran gaji pekerja bergaji hari seperti Pegawai Sambilan Harian (PSH) bagi bulan Mei 2019 untuk tempoh bekerja **2 Mei 2019 sehingga 24 Mei 2019 akan diawalkan iaitu dibayar pada 30 Mei 2019. Manakala baki hari bekerja bagi bulan Mei 2019 iaitu bagi tempoh 27 Mei 2019 hingga 31 Mei 2019 dibayar bersama gaji bulan Jun 2019.** Ini bagi memastikan pembayaran gaji pekerja bergaji hari sehingga 24 Mei 2019 dapat dibayar sebelum perayaan Aidilfitri.

3. Berikut adalah jadual bagi larian gaji Mei 2019 untuk tindakan PTJ bagi pekerja bergaji hari.

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tarikh</b>
i.	Kunci masuk bagi tempoh bekerja 02/05/2019 – 25/05/2019 <b>Tarikh pembayaran gaji: 30/05/2019</b>	<b>25/05/2019 – 27/05/2019</b>
iv.	Kunci masuk bagi tempoh bekerja 27/05/2019 – 31/05/2019 <b>Tarikh pembayaran gaji: 05/07/2019</b>	<b>02/07/2019 (Bersama gaji Jun 2019)</b>

4. Bagi PTJ yang terlibat dengan proses kunci masuk *Daily Rated*, **silalah lengkapkan Lampiran A dan hantar semula ke Unit Gaji, JANM Perak melalui emel ke [gaji\\_prk@anm.gov.my](mailto:gaji_prk@anm.gov.my) atau faks ke Unit Gaji di talian 05-2412969 selewat-lewatnya pada 17 Mei 2019** untuk memastikan proses gaji *Daily Rated* ini berjalan dengan lancar.

5. Segala kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam mematuhi tarikh-tarikh yang telah ditetapkan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**PENGARAH  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**

LAMPIRAN A

MAKLUMAT PENGGUNA HCM YANG TERLIBAT DENGAN GAJI *DAILY RATED*

BIL	NAMA PTJ	NO. PUSAT PEMBAYAR	*NAMA PENGGUNA HCM YANG TERLIBAT	NO. KAD PENGENALAN

\*Sila isikan nama yang terlibat dengan kunci masuk dan menyemak sahaja. Terhad 2 orang untuk satu PTJ